

# Rumah terbuka Aidilfitri meriah dengan hidangan peribadi



**KOTA KINABALU:** Walaupun dirai sederhana, sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Pengurusan Hospital Queen Elizabeth (HQE) meriah.

Majlis anjuran Unit Perkhidmatan dan Pengurusan HQE pada Isnin itu nyata penuh bermakna apabila dirai bersama semua anggota tanpa mengira

**DR YOGENDRA (tengah) dan Jemian (kanan) antara warga hospital peringkat pengurusan hadir memeriahkan rumah terbuka itu.**

fahaman agama dan kepercayaan.

Penolong Pegawai Pentadbiran Jemian Alan berkata, sambutan rumah terbuka itu merupakan majlis serba ringkas namun penuh makna kerana hidangan adalah juadah yang dibawa sendiri oleh kalangan anggota termasuklah kakitangan pengurusan berlainan fahaman agama dan kepercayaan.

"Seperti sambutan perayaan lain, rumah terbuka Aidilfitri peringkat pengurusan hospital bukan sekadar dirai kalangan anggota hospital beragama Islam malah ia lebih bermakna apabila dirai bersama oleh semua anggota tanpa mengira fahaman agama dan kepercayaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap setiap anggota peringkat pengurusan tanpa mengira fahaman agama, suku kaum dan kepercayaan akan terus menjadikan sambutan rumah terbuka Aidilfitri sebagai landasan persefahaman dan keharmonian seterusnya



**SEBAHAGIAN** warga hospital menikmati juadah yang dihidangkan.

titik tolak ke arah perkhidmatan organisasi yang dibanggakan.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Pengarah Klinikal I Dr Yogendra A/L Panchalingam, Timbalan Pengarah Klinikal II Dr Irene Chau, serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan bahagian pengurusan HQE.



**(Gambar kiri) SEBAHAGIAN** warga bahagian pengurusan HQE yang hadir.

**(Gambar bawah) SUASANA** meriah sambutan rumah terbuka Aidilfitri peringkat pengurusan HQE.

